



RHB ISLAMIC BANK BERHAD (680329-V) Incorporated in Malaysia

**PRODUCT DISCLOSURE SHEET**

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet together with the general terms and conditions governing the Vehicle Financing-i (Variable Rate) before you decide to take up this product. Seek assistance from RHB Islamic Bank Berhad if you need further clarification on any part of this document or the terms used.)

**VEHICLE FINANCING-i (VARIABLE RATE)**

Date: \_\_\_\_\_  
[to be filled by Relationship Manager]

**1. What is this product about?**

Vehicle Financing-i Variable Rate VF-i (VR) (the Facility) is a variable rate financing product that allows Customer to hire vehicle from the Bank and subsequently, upon settlement of the last rental payment, to purchase and take ownership of the vehicle. VF-i (VR) adopts the Shariah concept of Al- Ijarah Thumma Al-Bai' (hire followed by purchase) (AITAB) concept.

**2. What is the Shariah concept applicable?**

The Shariah concepts applicable to the Facility are:

- i. Ijarah: Otherwise known as leasing/ hiring. You will hire the Vehicle from the Bank at agreed rental payment over a specific period (the Hire Term).
- ii. Wakalah: The Bank will appoint you as the Bank's agent for the purpose of maintenance of the Vehicle during the Hire Term.
- iii. Bai': It literally means sale, whereby upon expiry of the Hire Term/ early settlement/ prepayment, you will enter into a subsequent contract to purchase the Vehicle from the Bank at an agreed price. In this regard, if you have paid a deposit (if any) to the Bank, then you are deemed to have an option of purchasing the Vehicle. During the Hire Term, the ownership of the Vehicle belongs to the Bank. Upon completion of the entire rental payment, a Sales Contract shall be executed as a contract to transfer the ownership of the Vehicle from the Bank to you.

**3. What do I get from this product?(for illustration)**

Total amount financed: RM100, 000.00  
 Effective Profit rate: 5.00% (based on Variable rate formula)  
 Variable rate at \*Base Rate + 1.10%  
 Tenure: 9 years (up to 9 years)  
 \*Current Base Rate: 3.90% (as at 12February 2018) and may vary from time to time  
 Base Rate must be made known at time of financing.  
 Ceiling Rate : 12%(in any cases, where the effective rate is more than 12%, customer will only be charged a maximum profit rate of 12%)

**4. What are my obligations?(for illustration)**

Your monthly payment is RM1,152.00

**Important: Your monthly payment and total payment amount will vary if the BR changes. (for illustration)**

Rate	Today (BR= 3.90%)	If BR goes up 1% (3 <sup>rd</sup> Year)	If BR goes up 2% (5 <sup>th</sup> Year)
Monthly payment	RM1,152.00	RM1,191.00	RM1,209.00
Total profit cost at the end of 9 years	RM24,386.55	RM27,629.69	RM27,779.98
Total payment amount at the end of 9 years	RM124,386.55	RM127,629.69	RM127,779.98

**Note:** Bank will communicate to you at least 7 calendar days prior to the effective date of implementation if there are any changes in Ijarah rate that is applicable to your Vehicle Financing-i Variable Rate VF-i(VR) facility.

**5. What do I have to pay?**

No	Types of fees/ charges	Fees and Charges Amount (inclusive but not limited to ST)
i.	HP-i Agreement	RM 10.00 per agreement for stamp duty
ii.	Supplementary HP-i Agreement	RM 20.00 per agreement for documentation and stamp duty
iii.	Variation on HP-i Agreement upon request	RM 10.00 per agreement for stamp duty
iv.	Postal	• RM 3.10 for account without guarantor

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 6.20 for account with 1 guarantor</li> <li>• RM 9.30 for account with 2 guarantors</li> </ul>
v.	Road tax renewal	RM 10.00 per transaction
vi.	Redemption statement (as requested by third party)	RM 30.00 per request
vii.	Discharge and release letter by third party (as requested by third party)	RM 30.00 per request
viii.	FIS Data Reference (FIS)	RM 4.20 per transaction
ix.	Request for retrieval and copy of documents <ul style="list-style-type: none"> <li>– Additional HP-i statement</li> <li>– Issuance of letter of consent for transfer of vehicle from East Malaysia to West Malaysia and vice versa</li> <li>– Issuance of letter of undertaking for insurance/ takaful claim</li> <li>– Audit confirmation per account</li> <li>– Request for copy of HP's documents</li> </ul>	RM 22.00 per request
x.	Photocopy of HP-i agreement	RM 25.00 per request

**Note 1:** Bank will communicate to you at least 21 calendar days prior to the effective date of implementation if there are any changes in fees and charges that are applicable to your financing facility.

**Note 2:** You are also responsible to bear all professional fees, taxes (including but not limited to Service Tax (ST))/or any applicable taxes imposed from time to time, out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of the Facility.

#### 6. What if I fail to fulfill my obligations?

You shall be liable to pay the Bank compensation (Ta'widh) as follows:

- i. for any failure by you to pay the payment due under the VF-i (VR) Facility from the date of first disbursement by the Bank until the date of maturity of the Facility, the compensation (Ta'widh) rate that shall be applied is one percent (1%) per annum:
  - a) on the overdue amount in case of default of scheduled payments; or
  - b) on the outstanding balance of the Facility in case of default causing the Facility to be terminated or brought to court for judgement prior to the expiry of the Facility.
- ii. for any failure by you to pay any amount overdue and which failure continues beyond the tenure of the Facility or after judgement is obtained (whichever is earlier), at such rate per annum as determined by the Bank from time to time (before as well as after judgement) provided the applicable compensation rate shall not any time exceed the prevailing Bank Negara Malaysia's (BNM) Islamic Interbank Money Market (IIMM) Rate on the total outstanding balance of the the Facility calculated on daily rest basis; or
- iii. by any other method approved by the Shariah Advisory Council of BNM; and
- iv. the amount of such compensation (Ta'widh) shall not be compounded.
- v. Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. Your motor vehicles may be repossessed and you will have to bear the applicable costs. You are also responsible to settle any shortfall after your motor vehicle is auctioned off.
- vi. Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.
- vii. In the event you fail to perform your obligation to pay the rental payment or perform otherwise from the terms and conditions stated in the VF-i(VR) agreement, the Bank has the right to exercise reasonable actions to mitigate losses.
- viii. Right to set-off: The Bank is entitled to set-off any outstanding amount due in this Facility account from any of your deposit accounts maintained with the Bank, which the Bank will notify you at least 7 calendar days in advance.

#### 7. What if I fully settle the financing before its maturity?

The Bank shall grant Ibra' on any amount payable by you in respect of any payment due under the Facility in any of the following situations:

- (i) any early settlement or early redemption by you including prepayment;
- (ii) any early settlement of the Facility due to any restructuring exercise of the Facility by you.
- (iii) any early settlement by you upon occurrence of an Event of Default; and
- (iv) any early settlement by you in the event of termination or cancellation of the Facility tenure.

The calculation of Ibra' for any early settlement by you is as follows:

Ibra' = \*Remaining Unearned Rental Charges – early settlement charges as may be determined by the Bank (if any).

\*Remaining Unearned Rental Charges is equal to unrealized rental charges at the time of full settlement.

The calculation of Ibra' shall be made in accordance with any rules, regulations and/ or directives (whether or not having the force of law) required of or imposed upon the Bank from time to time and at any time by BNM or any other authority having jurisdiction over the Bank.

**Note:** Other costs / expenses may include postage charges, repossession charges, storage, legal fees etc., (where applicable).

#### 8. Do I need any Takaful protection?

**Motor Takaful:** Motor Takaful is compulsory. The Vehicle must be adequately covered under comprehensive protection and to be covered against fire, accident, theft, force majeure events such as convulsions of nature (flood, typhoon, hurricane, storm, volcanic eruption, earthquake, landslide, and such other risk as the Bank may from time to time require during the Hire Term. Failure to obtain adequate protection will put you liable and the Bank is entitled to claim the outstanding financing from you.

**Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT):** Hire Purchase Reducing Term Takaful is optional. In circumstances of death or total permanent disability, the Takaful protection will pay off the amount in accordance with the Schedule of Sum Covered as stated in the policy. This will alleviate the burden of monthly payment on your survivors or next of kin.

You may opt to include HPRTT contribution into the total Vehicle financing with RHB Islamic Bank and enjoy the protection throughout the duration of the financing tenure.

**Guaranteed Asset Protection (GAP):** Guaranteed Asset Protection is optional which you may obtain from various takaful/insurance services provider. In circumstances of total loss or theft, the product will cover the difference between the Motor takaful/insurance claim pay out and the outstanding financing in the event of total loss claim. This will alleviate the burden of monthly payment on your survivors or next of kin.

You may opt to purchase GAP contribution separately in order to enjoy the protection throughout the duration of the financing tenure

**Note:**

- The agent will provide quotations for Takaful/ HPRTT/GAP offered by the Bank's panel of Takaful providers. You are free to use the service of any of the Bank's non-panel Takaful operators. However, to avoid any delay, the appointment of the Bank's panel Takaful is highly encouraged.
- In taking the above takaful protection, the Bank hereby advise you the followings:
  - a) You are advised to obtain takaful protection for the above Motor Takaful, HPRTT and GAP.
  - b) You may obtain conventional insurance to protect the vehicle in following circumstances:
    - i. Your application for takaful protection is rejected by all takaful operator or
    - ii. The cost of insurance protection is significantly more competitive compared to the cost of takaful protection.
- The above is important to ensure an end-to-end Shariah compliant offering of this product. However, the Bank shall not be deprived of its right to claim any amount due if you still opt for conventional insurance.

#### 9. Do I need a guarantor?

The requirement for guarantor depends on the merits of each application. In the event that a guarantor is required, he/she will be duly informed of his/her rights & obligations.

#### 10. What are the documents that I have to submit?

Salaried Applicant	Self-Employed Applicant
<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ NRIC photocopy</li> <li>➤ Driver's license</li> <li>➤ Latest 3-month salary slip</li> <li>➤ Latest EPF statement</li> <li>➤ Latest income tax return form</li> </ul> <p><b>*NOTE:</b> The Bank may require up to 6 months of income statement if the income comprises variable components.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ NRIC photocopy</li> <li>➤ Business registration photocopy</li> <li>➤ Latest 6 months bank account statement</li> <li>➤ Financial statement</li> </ul>

#### 11. What are the major risks?

If you fail to pay the monthly instalment consistently throughout the Hire Term, the Bank has the right to take possession and auction off the Vehicle. If you have problems in meeting your financial obligation under the Facility, kindly contact the Bank Immediately to discuss the payment alternatives.

#### 12. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. You may inform the Bank such changes via various channels of communication such as the website, branches or call centre at 03-9206 8118.

### 13. Where can I get assistance and redress?

- a) If you have difficulties in making payments, you should contact the Bank immediately to discuss payment alternatives.
- b) Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia (BNM) to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:  
**Tingkat 8, Maju Junction Mall,  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-800-88-2575  
Email: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**
- c) If you wish to complain about the products or services provided by the Bank, you may contact us at:  
**RHB Islamic Bank Berhad  
Level 17, Menara Yayasan Tun Razak,  
200 Jalan Bukit Bintang,  
55100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03 9206 8118 / 082 276 118  
Fax: 03 9206 8088 / 082 276 088  
Email: [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)  
Web: <http://www.rhbgroup.com>**
- d) If your query or complaint is not satisfactorily resolved by the Bank, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:  
**Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03 – 2174 1515  
Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)**

### 14. Where can I get further information?

If you have any enquiries, please contact us at:  
**RHB Islamic Bank Berhad  
Level 11, Menara Yayasan Tun Razak,  
200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 9206 8118 / 082 276 118  
Fax : 03 9206 8088 / 082 276 088  
Email : [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)  
Web : [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)**

### 15. Other Al- Ijarah Thumma Al-Bai' packages?

Yes. Hire Purchase-i (Fixed Rate)

**The information provided in this product disclosure sheet is valid as of 1 September 2018**

I / We hereby confirm having explained the Product Disclosure Sheet to Customer.

I / We hereby confirm having received and understood the explanation given.

.....  
Staff Name:  
Staff ID:  
Date:

.....  
Name:  
NRIC:  
Date:

RHB ISLAMIC BANK BERHAD (680329-V) Incorporated in Malaysia

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

*(Baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat-syarat am berkaitan Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan penjelasan daripada RHB Islamic Bank Berhad jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat-syarat am.)*

**PEMBIAYAAN KENDERAAN-I (KADAR BERUBAH)**

 Tarikh: \_\_\_\_\_  
 [untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

**1. Apakah produk ini?**

Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) (Kemudahan) adalah pembiayaan kadar berubah yang membenarkan anda untuk menyewa kenderaan daripada Bank dan seterusnya pada penyelesaian bayaran bulanan yang terakhir, membeli dan mengambil hak ke atas kenderaan tersebut. Pembiayaan Kenderaan-i menggunakan konsep Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (sewa beli) (AITAB).

**2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Konsep Syariah yang digunakan oleh Kemudahan ini adalah:

- Ijarah: Dikenali juga sebagai pajakan/ sewa. Penyewa menyewa Kenderaan daripada Bank pada bayaran bulanan yang dipersetujui dalam satu tempoh tertentu.
- Wakalah: Pihak Bank akan melantik anda sebagai ejen Bank untuk tujuan penyeleggaran Kenderaan semasa Tempoh Sewa.
- Bai': Ia bermaksud penjualan di mana apabila tamat tempoh sewa / penyelesaian awal / pembayaran awal, anda masuk ke dalam kontrak kedua untuk membeli Kenderaan daripada Bank pada harga yang dipersetujui. Dalam hal ini, sekiranya anda telah membayar deposit (jika ada) kepada Bank, maka anda memiliki hak (pilihan) untuk membeli Kenderaan tersebut. Dalam tempoh perjanjian, pemilikan Kenderaan adalah kepunyaan Bank. Setelah penyelesaian keseluruhan bayaran sewa, Perjanjian Jualan akan dilaksanakan yang bertindak sebagai Perjanjian Jualan yang memindahkan pemilikan Kenderaan daripada Bank kepada anda.

**3. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini? (untuk ilustrasi)**

Jumlah dibiayai: RM100,000.00  
 Kadar Keuntungan Efektif: 5.00% (berdasarkan formula kadar boleh ubah)  
 kadar boleh ubah pada \* Kadar Asas + 1.10%  
 Tempoh: 9 tahun (sehingga 9 tahun)  
 \* Kadar Asas Semasa: 3.90% (pada 12 February 2018) dan boleh berubah dari semasa ke semasa  
 Kadar Asas hendaklah diketahui pada masa pembiayaan  
 Kadar siling: 12% (dalam mana-mana kes, di mana kadar efektif adalah lebih daripada 12%, pelanggan hanya akan dikenakan kadar keuntungan maksimum 12%).

**4. Apakah kewajipan saya? (untuk ilustrasi)**

Bayaran bulanan anda ialah RM1,152.00

**Penting: Bayaran bulanan dan jumlah pembayaran anda akan berbeza-beza jika terdapat perubahan pada Kadar Asas (KA). (untuk ilustrasi)**

Kadar	Hari Ini (KA=3.90%)	Jika KA naik 1% (tahun ke-3)	Jika KA naik 2% (tahun ke-5)
Bayaran bulanan	RM1,152.00	RM1,191.00	RM1,219.00
Jumlah kos keuntungan di akhir 9 tahun	RM24,386.55	RM27,629.69	RM29,349.92
Jumlah bayaran di akhir 9 tahun	RM124,386.55	RM127,629.69	RM129,349.92

**Nota:** Pihak Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada kadar Ijarah yang berkaitan dengan Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) anda.

**5. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?**

No	Butiran Fi / Caj	Jumlah Fi dan Bayaran (termasuk tetapi tidak terhad kepada ST)
i.	Perjanjian Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah)	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
ii.	Perjanjian Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) Tambahan	RM 20.00 untuk dokumentasi dan duti setem bagi setiap perjanjian
iii.	Perjanjian Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah) untuk Variasi	RM 10.00 untuk duti setem bagi setiap perjanjian
iv.	Bayaran Pos	• RM 3.10 untuk akaun tanpa penjamin

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM 6.20 untuk akaun dengan 1 penjamin</li> <li>• RM 9.30 untuk akaun dengan 2 orang penjamin</li> </ul>
v.	Pembaharuan Cukai Jalan	RM 10.00 bagi setiap transaksi
vi.	Penyata penebusan (seperti yang diminta oleh pihak ketiga)	RM 30.00 bagi setiap permohonan
vii.	Pembebasan dan Surat Pelepasan oleh pihak ketiga (seperti yang diminta oleh pihak ketiga)	RM 30.00 bagi setiap permohonan
viii.	Rujukan Data FIS (FIS)	RM 4.20 bagi setiap transaksi
ix.	Permintaan untuk mendapatkan semula dan salinan dokumen <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyata Tambahan berkaitan dengan Kemudahan</li> <li>- Pengeluaran surat persetujuan untuk pemindahan Kenderaan dari Malaysia Timur ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya</li> <li>- Pengeluaran surat aku janji untuk insurans / tuntutan takaful</li> <li>- Pengesahan Audit bagi setiap akaun</li> <li>- Permintaan untuk salinan dokumen Kemudahan.</li> </ul>	RM 22.00 bagi setiap permohonan
x.	Salinan Perjanjian Pembiayaan Kenderaan-i (Kadar Berubah)	RM 25.00 bagi setiap permohonan

**Nota 1:** Pihak Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan bayaran bulanan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan Kemudahan ini.

**Nota 2:** Anda juga bertanggungjawab untuk menanggung semua fi professional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan ("Cukai Perkhidmatan") dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa, perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan fi lain, perbelanjaan atau rekursa yang berhubung dengan Kemudahan ini.

#### **6. Bagaimana jika saya tidak dapat memenuhi kewajipan-kewajipan saya?**

Anda adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan (Ta'widh) kepada pihak bank seperti yang berikut:

- i. bagi apa-apa kegagalan oleh pihak anda untuk membayar bayaran tertunggak di bawah Kemudahan ini dari tarikh pembayaran pertama kepada pihak Bank sehingga tarikh matang Kemudahan ini, anda hendaklah membayar bayaran Ta'widh (pampasan) kepada pihak Bank pada kadar pampasan (Ta'widh) sebanyak satu peratus (1%) setahun:
  - a) ke atas jumlah tertunggak dalam kes kelalaian ke atas pembayaran berjadual; atau
  - b) ke atas baki Pembiayaan Kemudahan ini yang masih belum dijelaskan kerana kelalaian yang menyebabkan Pembiayaan Kemudahan ini akan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tempoh tamat Pembiayaan Kemudahan ini.
- ii. bagi apa-apa kegagalan oleh pihak anda untuk membayar sebarang jumlah yang tertunggak dan kegagalan adalah berterusan di luar tempoh Kemudahan tersebut atau selepas penghakiman diperolehi (yang mana terdahulu), pada kadar untuk setahun seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa (sebelum dan juga selepas penghakiman) dengan syarat kadar pampasan yang terpakai tidak boleh bila-bila masa melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam, Bank Negara Malaysia (BNM) terhadap jumlah baki tertunggak bagi Kemudahan ini yang dikira pada asas harian; atau
- iii. apa-apa kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM; dan
- iv. Jumlah pampasan (Ta'widh) itu tidak boleh dikompaun.
- v. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda tidak respon kepada notis peringatan. Kenderaan anda boleh ditarik balik dan anda terpaksa menanggung segala kos (yang terpakai). Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas kenderaan anda dijual.
- vi. Tindakan undang-undang terhadap anda akan mempengaruhi penilaian kredit anda yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal kepada anda.
- vii. Sekiranya anda gagal menunaikan kewajipan untuk menjelaskan bayaran bulanan atau melakukan perkara yang bertentangan dengan terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian VFi-i (VR), Bank mempunyai hak untuk mengenakan tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi mengurangkan kerugian.
- viii. Hak untuk tolak selesai: Pihak Bank berhak menolak selesai sebarang amaun tertunggak dalam akaun Kemudahan ini dari mana-mana akaun deposit yang dimiliki oleh anda dengan pihak Bank, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 7 hari kalendar lebih awal.

#### **7. Bagaimana sekiranya saya melunaskan pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang?**

Pihak Bank hendaklah memberi rebat (Ibra') kepada mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh pihak anda berhubung dengan apa-apa bayaran tertunggak di bawah Pembiayaan Kemudahan dalam mana-mana keadaan yang berikut:

- (i) apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh pihak anda termasuk bayaran pendahuluan;
- (ii) apa-apa penyelesaian Pembiayaan Kemudahan disebabkan mana-mana penyusunan semula Pembiayaan Kemudahan oleh pihak anda;

- (iii) apa-apa penyelesaian oleh pihak anda apabila berlakunya Peristiwa Keingkar; dan
- (iv) apa-apa penyelesaian oleh pihak anda dengan menamatkan atau membatalkan Kemudahan sebelum tamat tempoh Pembiayaan Kemudahan

Pengiraan rebat (Ibra') untuk penyelesaian awal oleh Penyewa adalah seperti berikut:

Rebat (Ibra') = \*Baki Caj Sewa Belum Diperolehi – caj penyelesaian awal yang ditentukan oleh pihak Bank (jika ada).

\* Baki Caj Sewa Belum Diperolehi adalah sama dengan caj sewa tidak nyata pada masa penyelesaian penuh. Pengiraan rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas pihak Bank.

**Nota:** Lain-lain kos/ perbelanjaan termasuk bayaran pos, caj pemilikan semula, storan, fi guaman dan lain-lain (yang terpakai).

### 8. Adakah saya memerlukan apa-apa perlindungan Takaful?

**Takaful Motor:** Motor Takaful adalah wajib. Kenderaan hendaklah dilindungi secukupnya di bawah perlindungan komprehensif terhadap risiko kebakaran, kemalangan, kecurian, dalam peristiwa force majeure seperti bencana alam (banjir, taufan, taufan, ribut, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, dan risiko lain yang mungkin diperlukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa sepanjang Tempoh Sewa. Kegagalan untuk mendapatkan perlindungan yang mencukupi akan menyebabkan anda bertanggungjawab dan Bank berhak untuk menuntut pembiayaan yang tertunggak daripada anda.

**Hire Purchase Reducing Term Takaful (HPRTT):** Hire Purchase Reducing Term Takaful adalah atas pilihan anda/ tidak wajib. Dalam kes-kes kematian atau mengalami kecacatan kekal sepenuhnya, perlindungan Takaful ini akan membayar jumlah pampasan mengikut Jadual Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam polisi. Ini akan mengurangkan beban pembayaran bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda.

Anda boleh memilih untuk memasukkan sumbangan HPRTT ke dalam jumlah pembiayaan Kenderaan anda dengan RHB Islamic Bank untuk menikmati perlindungan sepanjang tempoh masa pembiayaan.

**Guaranteed Asset Protection (GAP):** Guaranteed Asset Protection adalah pilihan yang boleh diperolehi daripada pelbagai pengendali perkhidmatan takaful / insurans. Dalam peristiwa kerugian menyeluruh atau kecurian, produk ini akan menampung perbezaan antara tuntutan Motor takaful / insurans dan pembiayaan tertunggak sekiranya terdapat tuntutan terhadap kerugian keseluruhan. Ini akan mengurangkan beban pembayaran bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda.

Anda boleh memilih untuk membeli sumbangan GAP secara berasingan untuk menikmati perlindungan sepanjang tempoh tempoh pembiayaan.

**Nota:**

- Ejen akan sediakan sebutharga untuk Takaful/ HPRTT/GAP yang ditawarkan oleh pengendali Takaful panel Bank. Anda bebas untuk menggunakan mana-mana perkhidmatan pengendali Takaful bukan dari panel Bank. Walaubagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan, pelantikan Takaful panel adalah amat digalakkan.
- Dalam mengambil perlindungan takaful di atas, pihak Bank dengan ini menasihati anda tentang perkara berikut:
  - a) Anda dinasihatkan untuk mendapatkan perlindungan takaful untuk Takaful Motor, HPRTT dan GAP di atas.
  - b) Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi kenderaan dalam keadaan berikut:
    - i. Permohonan untuk perlindungan takaful ditolak oleh semua pengendali takaful atau
    - ii. Kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan takaful.
- Perkara di atas adalah penting bagi memastikan penawaran produk yang mematuhi Syariah. Walau bagaimanapun, pihak Bank itu tidak boleh dinafikan hak untuk menuntut apa-apa amaun yang perlu dibayar jika anda masih memilih untuk insurans konvensional.

### 9. Adakah saya memerlukan penjamin?

Keperluan penjamin bergantung pada setiap merit permohonan. Sekiranya penjamin diperlukan, hak dan kewajipan akan dimaklumkan kepada beliau sewajarnya.

### 10. Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya serahkan?

Pemohon Bergaji	Pemohon Bekerja Sendiri
<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Salinan Kad Pengenalan</li> <li>➢ Lesen memandu</li> <li>➢ Slip gaji (3 bulan yang terkini)</li> <li>➢ Penyata KWSP yang terkini</li> <li>➢ Borang cukai pendapatan yang terkini</li> </ul> <p><b>*NOTA:</b> Pihak Bank mungkin memerlukan sehingga 6 bulan penyata pendapatan sekiranya pendapatan anda mengandungi pelbagai komponen.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Salinan Kad Pengenalan</li> <li>➢ Salinan Pendaftaran Perniagaan</li> <li>➢ Penyata akaun semasa 6 bulan yang terkini</li> <li>➢ Penyata Kewangan</li> </ul>

### 11. Apakah risiko-risiko utama?

Jika anda tidak membuat pembayaran terhadap Kemudahan, pihak Bank mempunyai hak untuk melelong Kenderaan anda untuk menyelesaikan pembiayaan. Jika anda mempunyai masalah memenuhi tanggungjawab pembiayaan anda, hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.

**12. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang perubahan maklumat bagi memastikan anda menerima semua surat menyurat tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang perubahan menerusi pelbagai saluran komunikasi seperti laman web, cawangan Bank atau pusat panggilan Pelanggan di talian 03-9206 8118.

**13. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- a) Jika anda mempunyai masalah memenuhi kewajipan pembiayaan anda, hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran.
- b) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:  
**Tingkat 8, Maju Junction Mall,  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-800-88-2575  
Email: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)**
- c) Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di:  
**RHB Islamic Bank Berhad  
Level 17, Menara Yayasan Tun Razak,  
200 Jalan Bukit Bintang,  
55100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-9206 8118 / 082 276 118  
Fax: 03-9206 8088 / 082 276 088  
Email: [customer.service@rhbggroup.com](mailto:customer.service@rhbggroup.com)  
Web: <http://www.rhbggroup.com>**
- d) Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak Bank secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:  
**Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)**

**14. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Bank di:  
**RHB Islamic Bank Berhad  
Level 17, Menara Yayasan Tun Razak,  
200 Jalan Bukit Bintang,  
55100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-9206 8118 / 082 276 118  
Fax: 03-9206 8088 / 082 276 088  
Email: [customer.service@rhbggroup.com](mailto:customer.service@rhbggroup.com)  
Web: <http://www.rhbggroup.com>**

**15. Lain-lain pakej Al-Ijarah Thumma Al-Bai' yang tersedia ada?**

Ya. Sewa Beli-i (Kadar Tetap)

**Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada 1 September 2018**

Saya / Kami mengesahkan telah menerangkan Lembaran Maklumat Produk kepada pelanggan.

Saya / Kami mengesahkan telah mendengar dan memahami penerangan yang diberikan.

.....  
Nama Pekerja:  
ID Pekerja:  
Tarikh:

.....  
Nama:  
MyKad:  
Tarikh: